



KENYATAAN MEDIA

BANTUAN ‘KOTAK MITRA 2021’ KEPADA 150 KELUARGA MASYAKARAT INDIA B40 DI LADANG SEKITAR PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

Putrajaya, 5 September 2021 – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, hari ini telah menyerahkan sebanyak 150 ‘Kotak MITRA 2021’ iaitu kotak bantuan makanan asas untuk masyarakat India B40 di Kawasan Ladang Tanah Merah Oil Mill, Ladang Tanah Merah A/1, Ladang Tanah Merah A/3 dan Ladang Bukit Pelanduk di Port Dickson, Negeri Sembilan

2. Turut hadir pada majlis tersebut adalah YB. Dato’ Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, YB. Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Sembilan dan YB. Tuan Choo Ken Hwa, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan, Penerangan dan Integrasi Nasional, Negeri Sembilan. Penyerahan Kotak MITRA kepada pekerja ladang ini telah dilaksanakan dengan kerjasama National Union of Plantation Workers (NUPW).

3. Masyarakat India B40 di ladang-ladang seluruh negara merupakan salah satu kumpulan sasaran yang akan diberi tumpuan oleh Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), Kementerian Perpaduan Negara di bawah program ‘Kotak MITRA 2021’ ini. Untuk tujuan tersebut, Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan pihak NUPW bagi

mendapatkan statistik jumlah masyarakat India B40 di ladang-ladang di seluruh negara bagi memastikan tiada yang tercicir daripada menerima manfaat daripada program ini.

4. Menurut YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Kementerian Perpaduan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM12.4 juta di bawah program ini bagi menyediakan 73,883 kotak makanan yang dapat memanfaatkan 73,883 keluarga masyarakat India B40 di seluruh negara. Program yang telah bermula pada 14 Ogos 2021 ini dijangka selesai sebelum 31 Disember 2021.

5. Beliau berharap kerjasama strategik antara Kementerian Perpaduan Negara, Kerajaan Negeri dan NUPW akan dapat diperkukuhkan bagi memastikan 'Kotak MITRA 2021' ini dapat disalurkan kepada semua keluarga Masyarakat India B40 di ladang-ladang di seluruh negara bagi meringankan sedikit beban keluarga yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5 SEPTEMBER 2021

- TAMAT -

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (85)